

JAWATAN KOSONG



Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) mempelawa calon yang berminat untuk memohon jawatan kosong di cawangan Ar-Rahn seperti maklumat berikut:

JAWATAN : **KHAZANAH/TELLER**
TARAF JAWATAN : **KONTRAK**
PENEMPATAN : **1) KUALA LIPIS , PAHANG**

Kami menawarkan kepada yang berkelayakan untuk membina kerjaya bersama kami dengan mengisi kekosongan jawatan di Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad (KPF) seperti berikut :

Syarat Kelayakan :

- Kelayakan minima sekurang – kurangnya memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM);
- Mempunyai kemahiran dalam menggunakan perisian Microsoft Office;
- Mempunyai sekurang-kurangnya satu (1) tahun pengalaman dalam bidang Ar-Rahnu;
- Mempunyai pengetahuan dan pengalaman dalam bidang berkaitan emas adalah diutamakan;
- Bertanggungjawab, berintegriti, jujur dan amanah;
- Boleh berkomunikasi dan boleh bekerja dalam satu pasukan;
- Berpenampilan menarik dan kemas; dan
- Boleh ditempatkan di mana-mana cawangan jika berjaya di dalam temuduga.

Tugas & Tanggungjawab :

- Bertanggungjawab dalam mengawal, mengurus, menyemak, mengesahkan dan memastikan marhun serta wang operasi Ar Rahn dijaga dengan jujur, cekap, amanah dan dijaga dengan sempurna;
- Melaksanakan tugas dan pengendalian urusanniaga gadaian, penebusan, lelongan secara tender dan tuntutan baki lelong;
- Membantu dalam mengurus fungsi dan perkhidmatan operasi Ar Rahn;
- Memastikan imej Syarikat dan tatacara kerja Ar-Rahn dilaksanakan dengan baik; dan
- Melaksanakan tugas – tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa.

Permohonan boleh dibuat dengan mengisi BORANG PERMOHONAN PEKERJAAN yang terdapat di laman web <http://www.kpf.my/informasi/kerjaya.html> dan dikemukakan ke alamat seperti berikut sebelum 12 JUN 2026 :

Jabatan Pentadbiran & Sumber Manusia
Koperasi Permodalan FELDA Malaysia Berhad
Tingkat 8, Balai FELDA, Jalan Gurney 1
54000 Kuala Lumpur.
Tel: 03-26642065 ext. 171/164
Emel: adminhr.kpf@felda.net.my

**Hanya calon yang akan disenarai pendek akan dihubungi untuk sesi temuduga*